



PANDUAN KECEMASAN



Jika pelajar/rakan pelajar mengalami kemalangan/ sakit kecemasan atau akan menjalani rawatan, berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diambil:

1. Memaklumkan kepada Penasihat Pelajar (PA)
2. Mendapatkan Surat Jaminan Hospital atau Guarantee Letter (GL) dari kaunter Bahagian Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar, Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau berhubung dengan Pn Sam Faheeda Abd Samad : 07-4537043. GL perlu diserahkan kepada pihak hospital.
3. Boleh memaklumkan kepada staf Bahagian Kebajikan Pelajar FKAAS (Dr. Siti Rodziah Abdullah : 010-8208765 atau Dr. Mohd Azlan Bin Mohd Yusoff : 010-4470689).
4. Jika pelajar akan melakukan pembedahan/rawatan, pelajar perlu memberi surat rasmi kepada Dekan disertakan dengan laporan kesihatan doktor.

Semasa dalam rawatan, pelajar/ rakan pelajar perlu:

Mendapatkan surat MC daripada hospital dan diberikan kepada PA/Fakulti supaya maklumat cuti sampai kepada pensyarah yang mengajar pelajar berkenaan.

Pelajar yang kematian keluarga terdekat (ibu/bapa/isteri/anak):

Pelajar yang kematian keluarga terdekat, boleh memaklumkan kepada Unit Kebajikan dan Khairat Pelajar di HEP. Sumbangan akan diberikan bagi membantu pelajar selepas kematian ahli keluarga. Dokumen seperti Sijil Kematian mestilah disertakan.

Pelajar yang meninggal dunia (samada di Batu Pahat atau luar daerah)

1. Fakulti perlu memaklumkan kepada HEP (Pn Sam Faheeda Abd Samad : 07-4537043) untuk tindakan selanjutnya.
2. Wang khairat pelajar akan diberikan kepada wakil Fakulti/ Kolej Kediaman Pelajar untuk disampaikan kepada keluarga pelajar.



Soalan Lazim

Soalan 1

Berapakah kos rawatan yang ditanggung oleh universiti kepada pelajar yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan?

Pihak universiti memperuntukkan sebanyak RM10,000 kepada setiap pelajar setahun untuk rawatan di hospital kerajaan. Kos rawatan melebihi yang ditetapkan perlulah mendapatkan kelulusan bertulis dari TNC.

Soalan 2

Bagaimana jika pelajar mendapatkan rawatan di hospital swasta?

Rawatan di hospital swasta adalah ditanggung sendiri oleh pelajar. Namun, jika berlaku kemalangan

Soalan 3

Adakah universiti menyediakan bantuan kepada pelajar susah dari lain lain agama (selain Muslim)?

Ya, pelajar perlu ke HEP (Puan Faheeda Sam) untuk ditemubual sebelum bantuan diberikan.

Soalan 4

Jika terdapat kematian ahli keluarga (ibu/bapa) pelajar yang berasal dari Sabah/Sarawak, apakah bentuk sumbangan dari pihak HEP Universiti?

Tiket penerbangan dan khairat kematian.